

DOCX.MY
BERITA ONLINE ANDA!
Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi, Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT  www.docx.my

 **DOCX.MY**
SENANG DOWNLOAD

MCMC Nasihatkan Orang Ramai Tidak Muat Turun Aplikasi WhatsApp



PEMBERITAHUAN

MCMC GESA ORANG RAMAI UNTUK TIDAK MUAT TURUN APLIKASI HASAD "PINK WHATSAPP"

CYBERJAYA, 27 Jun 2023 --- Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) ingin menasihatkan orang ramai agar berwaspada apabila menerima jemputan untuk menyertai atau memuat turun aplikasi hasad "Pink WhatsApp." Aplikasi berkenaan kononnya menawarkan ciri keselamatan serta privasi yang lebih baik, antaramuka yang boleh diubah suai, serta keupayaan untuk menghantar fail lebih besar berbanding aplikasi WhatsApp yang biasa digunakan. Bagaimanapun, selepas pemasangan, aplikasi hasad berkenaan boleh mengakses pelbagai item dalam telefon pintar pengguna seperti gambar, SMS dan senarai kenalan, yang boleh membawa kepada risiko keselamatan yang serius.

Para pengguna akan menerima mesej dan pautan seolah-olah datang daripada WhatsApp yang mengajak pengguna untuk mencuba aplikasi baharu tersebut. MCMC menasihatkan pengguna untuk tidak memuat turun dan memasang aplikasi "Pink WhatsApp" tersebut, dan segera membuang aplikasi berkenaan sekiranya ia telah dipasang dalam telefon pintar mereka. MCMC mengesyorkan pengguna untuk hanya memuat turun aplikasi mudah alih daripada gedung aplikasi rasmi seperti Apple App Store, Google Play Store dan Huawei AppGallery.

Pengguna juga diminta untuk tidak menyebarkan sebarang pautan yang mencurigakan. MCMC ingin menekankan kepentingan untuk berhati-hati ketika menggunakan aplikasi mudah alih, mengambil langkah-langkah pencegahan untuk melindungi maklumat peribadi, serta mengelak daripada memuat turun aplikasi hasad. Para pengguna adalah disarankan untuk kekal berwaspada dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan berkaitan dengan "Pink WhatsApp" kepada portal Aduan MCMC di pautan <https://aduan.mcmc.gov.my/#/public/main> atau talian hotline Aduan di 1800-188-030.

www.mcmc.gov.my